

Bond No. 9 Nolita

Gandingan wangian-gincu yang pertama di dunia, Bond No. 9 Nolita, muncul dengan ketibaan Musim Bunga '17, merupakan satu keraian hebat kewanitaan yang menggoda dan kejiranan pusat tumpuan hiburan terkini Pusat Bandar.

NEW YORK /PRNewswire/ -- **Pengakuan** kami di Bond No. 9: Suasana di sini sungguh sibuk sejak akhir-akhir ini yang menyebabkan kami hamper tiada masa untuk bersiar-siar di persekitaran dan meneroka jalan-jalan lain di luar ibu pejabat kami di Bond Street. Tetapi keadaan berubah apabila berita mengenai **Nolita**, satu kejiranan yang bermula hanya di seberang Houston Street, menjadi kegemaran generasi Milenial dan menjadi tumpuan utama antara **pusat-pusat hiburan Pusat Bandar**. Kami lakukan perkara yang kami biasa lakukan dengan kawasan-kawasan kejiranan ikonik New York. Kami berikan harumannya yang tersendiri. Eau de parfum **Nolita**, diperkenalkan pada April 2017, **seiring ketibaan musim bunga '17**.

Tetapi apakah Nolita? Dengan **lokasinya yang terbaik** di selatan Noho, timur Soho, dan barat Lower East Side, enklaf ini yang dihiasi jalan-jalan sempit yang dibarisi pokok-pokok **sememangnya hebat dan mengagumkan**. Tidak hairanlah ia menempatkan **New Museum** dan salah satu daripada kedai buku yang terkemuka di New York. Tambahan pula, ia menjadi tarikan kepada **butik-butik kecil yang anggun lagi memikat** (pakaian dan kasut gaya terkini untuk wanita!).

Namun begitu, **seolah-olah satu keajaiban**, Nolita terselamat daripada arus pemodenan yang ketara. Tidak kelihatan sebarang bangunan tinggi yang kontemporari.

Ia adalah sebahagian daripada masa silam- dan berbagai **tarikan wanita yang hangat dan menggoda** di **butik-butiknya yang canggih** - telah mengilhamkan eau de parfum **Nolita Bond No.9**. Not-not awal bermula dengan bunga **freesia** haruman klasik wanita, digabungkan dengan **haruman tangerin yang menyegarkan**. Melati tropika yang mengasyikkan disebatikan bersama teratai yang memukau lagi romantik sebagai inti patinya. Kesemua ini dikekalkan dengan **not asas yang hangat dan mempesonakan** - ambar, kesturi, dan cendana.

Masih dengan **tema penggoda**, kami melengkapi wangian Nolita dengan **kucupan** warna-warna gincu yang meriah dalam pelbagai warna merah keemasan, fuchsia, dan merah jambu - kerana untuk **Gadis Bond No. 9**, sebatang gincu *tidak akan pernah memadai*. Mengiringi Nolita eau de parfum ialah inovasi Bond No. 9 - **gincu** berkrim kami yang pertama, mengiurkan dalam **warna merah New York sejati dan tulen yang tiada tandingan**. Gincu yang sempurna untuk si Gadis Bond No. 9!

Berada di kaunter-kaunter pada April 2017.

Butik Bond No. 9 New York, Saks Fifth Avenue, gedung Bloomingdales terpilih, Harrods, dan www.bondno9.com

Harga: 100ml, \$350.

HUBUNGI: publicrelations@bondno9.com atau 646.284.9013 atau www.bondno9.com